



KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI B. YAAKOB
MENTERI KKLW

19 MEI 2016 ~ KHAMIS

SIDANG MEDIA PERTANDINGAN RURAL BUSINESS CHALLENGE (RBC) 2016

PETALING JAYA - Pertandingan *Rural Business Challenge* (RBC) kembali lagi bagi tahun 2016 dan telah dibuka untuk penyertaan selama sebulan bermula 16 Mei sehingga 15 Jun 2016. Penganjuran Pertandingan Penyediaan Rancangan Perniagaan (RP) di kalangan belia dan dilaksanakan sebagai satu perniagaan di kawasan luar bandar ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan di bawah GTP 2.0 (2013 - 2015) yang dikenali sebagai Desa Abad ke-21 yang bermatlamat meningkatkan kegiatan ekonomi di kawasan luar bandar.

RBC merupakan program yang memberi peluang kepada belia Malaysia memperlihatkan kecenderungan, minat serta kesungguhan untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan atau sumber pendapatan mereka. Penganjuran RBC 2016 ini adalah yang ke-lima (5) dilaksanakan oleh Kementerian dan masih mengekalkan mekanisme penilaian RP di kawasan luar bandar yang berdaya maju, berdaya saing dan mampu berdaya tahan.

Dalam pertandingan RBC tahun ini, dua (2) kategori yang sama iaitu Pengembangan Perniagaan dan Idea Perniagaan dipertandingkan.

Syarat-syarat RBC 2016 :-

- i) Kategori Pengembangan Perniagaan boleh disertai oleh syarikat yang telah beroperasi manakala Kategori Idea Perniagaan boleh disertai oleh syarikat yang belum beroperasi. Tujuannya adalah untuk memberi ruang sesebuah RP dinilai secara lebih objektif mengikut mengikut tempoh operasi sesebuah perniagaan.
- ii) Penyertaan terbuka kepada semua belia warganegara Malaysia yang berumur antara 18 hingga 40 tahun.
- iii) Penyertaan boleh terdiri daripada:
 - Perseorangan atau lebih; atau
 - Syarikat Enterprise, Perkongsian dan Syarikat Sdn. Bhd.

Penambahbaikan RBC Tahun 2016

Pada tahun ini, terdapat penambahbaikan yang mana pendaftaran pertandingan adalah dilaksanakan secara atas talian (*online*) di laman portal RBC (www.rbc.my). Peserta perlulah melengkapkan borang pendaftaran dan juga RP yang berbentuk *Business Model Canvas* (BMC) di laman portal tersebut. BMC ini merupakan satu pendekatan yang diasaskan oleh Alexander Oesterwalder & Yves Pigneur dalam mencipta dan menilai model bisnes.

Ia adalah sebuah model atau *tools* yang digunakan dalam perancangan sesuatu projek, perniagaan dan syarikat yang diusahakan. BMC mempunyai sembilan kotak yang terdiri daripada elemen-elemen kunci yang secara umum perlu ada pada semua model bisnes. Sembilan kotak tersebut adalah seperti Rakan Utama, Aktiviti Utama, Sumber Utama, Tawaran Nilai, Perhubungan Pelanggan, Saluran, Segmen Pelanggan, Struktur Kos dan Aliran Pendapatan.

Peserta yang melepasi Penilaian BMC akan dihubungi dan diminta menghantar RP untuk proses penilaian yang seterusnya.

Hadiah-Hadiah RBC 2016 :-

- i) **Bagi Kategori 1 (Pengembangan Perniagaan)**, hadiah yang ditawarkan adalah dalam bentuk **Geran Perniagaan dan juga kemudahan pinjaman sehingga RM 1 juta.**

Pembiayaan geran adalah terhad kepada CAPEX manakala kemudahan pinjaman akan digunakan bagi OPEX. KKLW menyasarkan lebih ramai pemenang pertandingan RBC pada tahun ini.

- ii) **Bagi Kategori 2 (Idea Perniagaan)**, KKLW menyediakan hadiah berbentuk **wang tunai sehingga RM10,000.00 setiap satu** bagi RP terbaik.

Maklumat Lanjut / Perkembangan Pertandingan RBC 2016 :-

- i) Facebook : Pertandingan RBC
ii) Portal Rasmi RBC : www.rbc.my.

Dengan adanya laman portal ini, usahawan-usahawan dapat mengakses maklumat mengenai RBC, borang penyertaan serta terma dan syarat bagi menyertai pertandingan ini dengan lebih mudah. Manakala pada tahun ini, penggunaan laman portal ini telah diperluaskan kepada penyertaan pertandingan secara atas talian.

- lii) Sekretariat RBC 2016 :-

No. Telefon : 03 8891 5607/ 5622/ 5636

Emel : sekretariatrbc@rurallink.gov.my

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah**

Tel: 03-8891 5946, Faks: 03-8888 2367

Emel: ukk@rurallink.gov.my

Maklumat Tambahan RBC - Imbasan

1) Jumlah Geran Perniagaan RBC yang telah dihadaikan dari tahun 2012 - 2015 :-

- i) Tahun 2012 :- RM8.5 juta
- ii) Tahun 2013 :- RM17.65 juta
- iii) Tahun 2014 :- RM17 juta
- iv) Tahun 2015 :- RM15.4 juta

Nilai geran yang diberikan adalah bergantung kepada kualiti Rancangan Perniagaan yang dihantar. Rancangan Perniagaan yang dapat memberikan impak dan manfaat yang besar kepada ekonomi dan penduduk setempat akan mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk memenangi geran perniagaan yang ditawarkan.

2) Secara keseluruhan, setelah dua tahun pelaksanaan projek, kesemua pemenang RBC 2012 sehingga 2014 telah berjaya mewujudkan hampir 487 peluang pekerjaan baru sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dan lebih separuh daripada jumlah ini merupakan belia di kawasan setempat dengan pendapatan bulanan dari RM700 hingga RM2500 sebulan.

3) Dalam masa yang sama, 353 orang usahawan baru dari pelbagai bidang telah diwujudkan oleh pemenang-pemenang RBC tersebut. Selain itu, pembekal-pembekal barangan dan perkhidmatan kepada pemenang RBC turut mendapat limpahan manfaat daripada program ini dalam melengkapkan rantaian pembekalan (*supply chain*) bagi industri yang terlibat. Kebanyakan pembekal tersebut merupakan syarikat-syarikat tempatan yang menerima peluang perniagaan secara tidak langsung daripada program RBC ini.

4) Antara lain, produk-produk keluaran pemenang RBC juga berpotensi untuk dipasarkan dengan lebih meluas di pasaran dalam negara dan juga dieksport ke luar negara berikutan permintaan yang baik serta kemampuan pengeluaran produk-produk mereka.